



GSO & SB

Bakal Entiti Bebas



BANGSAR - Jabatan Operasi Sistem/Grid System Operator (GSO) dan Jabatan Single Buyer sedang memperkemas strategi dan aktiviti utama masing-masing agar akhirnya menjadi entiti bebas sejajar aspirasi Suruhanjaya Tenaga dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

Baru-baru ini, kedua-duanya menganjurkan "Grid System Operator (GSO) & Single Buyer (SB) Governance Reform Workshop" di sini, bagi merangka peranan lebih agresif untuk tempoh lapan tahun iaitu dari 2018 hingga 2025.

Kedua-dua jabatan perlu memantapkan organisasi dalam menghadapi sebarang perubahan bakal berlaku dalam industri perbekalan elektrik negara berikutan beberapa langkah KeTTHA meliberalisasikan industri tenaga menjelang tahun 2025.

Antara inisiatif yang diambil termasuklah menjadikan Jabatan GSO dan Jabatan Single Buyer sebagai entiti bebas daripada mana-mana agensi perbekalan dan perkhidmatan bekalan elektrik di Malaysia, menjelang tahun 2025.

